

# Perlombongan, eksport bauksit dihentikan tiga bulan

um. 7/1/2016  
ms. 4

**KUALA LUMPUR 6 Jan.** - Kabinet mengarahkan semua aktiviti perlombongan dan pengeksporatan bauksit di negeri Pahang dihentikan sementara selama tiga bulan mulai 15 Januari ini bagi membolehkan satu pelan penyelesaian pencemaran dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

Menurut Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar, keputusan tersebut dibuat selepas mengambil kira semua aspek termasuklah pengusaha serta orang ramai yang terjejas dengan aktiviti perlombongan bahan mineral ini.

"Kabinet memutuskan untuk mengenakan moratorium atau pengantungan ke atas aktiviti ini dan kementerian bersama kerajaan negeri akan mengambil tindakan sewajarnya bagi menyelesaikan masalah pencemaran yang berpunca daripada aktiviti tersebut," katanya dalam sidang akhbar di sini hari ini.

Yang hadir sama, Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob; Ketua Setiausaha Kementerian



WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR (dua dari kanan) dan Adnan Yaakob (dua dari kiri) menjawab pertanyaan wartawan pada sidang akhbar mengenai bauksit di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/WAHIDAH ZAINAL

Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Azizan Ahmad dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Muhammad Safian Ismail.

Wan Junaidi berkata, setakat ini,

terdapat sebanyak 22 pengusaha perlombongan yang sah terlibat dalam aktiviti perlombongan ini dan pihaknya telah mengadakan pertemuan dengan mereka untuk

membincangkan mengenai perkara ini.

Katanya, untuk bulan pertama pelaksanaan moratorium itu, kerajaan mengarahkan supaya se-

mua stok penyimpanan bauksit di Pelabuhan Kuantan dikeluarkan serta dapat dibersihkan.

"Kita tidak mahu lambakan bauksit di Pelabuhan Kuantan ini akan mengalir serta memasuki laut sehingga menyebabkan pencemaran seperti yang berlaku sebelum ini."

"Selepas itu, untuk bulan kedua, semua 11 pusat pengumpulan di sekitar pelabuhan mestilah mengosongkan bauksit mereka dan dihantar ke satu sahaja pusat pengumpulan yang akan diumumkan kemudian oleh pihak kerajaan negeri."

"Namun, sebelum 11 pusat pengumpulan ini dikosongkan, pengusaha bauksit perlulah membina tempat mencuci supaya lori yang keluar dari kawasan itu tidak mengotori jalan raya," jelasnya.

Tambah beliau, kementeriannya juga telah membekukan kelulusan mengekspor bauksit ke luar negara kepada pengusaha bahan mineral itu.

"Selepas tempoh tiga bulan ini, kita akan mewujudkan pusat penyimpanan bauksit berpusat di mana

hanya lori yang mempunyai permit yang sah dibenarkan untuk meletakkan bahan mineral mereka itu di situ."

"Daripada pusat pengumpulan itu pula, lori akan mengambil bauksit dan membawa terus menaiki kapal untuk dieksport tanpa perlu menyimpannya di dalam Pelabuhan Kuantan," katanya.

Katanya lagi, jika tempoh tiga bulan tidak dapat dilaksanakan semua perkara ini, pihaknya akan memanjangkan tempoh sehingga enam bulan supaya perkara ini dapat diselesaikan dengan sempurna.

"Semua peraturan dan syarat perlombongan serta pengeksporatan yang telah ditambah baik akan dikuatkuasakan selepas tamat tempoh moratorium ini."

"Dalam tempoh pelaksanaan moratorium ini, pihak kerajaan akan melaksanakan penguatkuasaan bersepadan melibatkan pelbagai agensi penguatkuasaan seperti tentera, polis, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)," katanya.